



MELAWAT...Sapawi bersama rombongan ketika melawat projek titian yang bernilai RM 3.5 juta.

Sipitang teroka bidang eko-pelancongan

UB 14/11/2011 B5

SIPITANG: Warga Sipitang bakal nikmati pembangunan infrastruktur yang memberangsangkan dengan kehadiran Petronas menerusi projek bernilai RM4.5 bilion awal tahun depan.

Ahli Parlimen Sipitang, Datuk Sapawi Ahmad berkata demikian semasa menghadiri program sepetang bersama pemimpin di pekan Weston, kelmarin.

Beliau yang juga Exco Penerangan Negeri Sabah, mengulas bahawa kehadiran mereka (Petronas) sekaligus meningkatkan infrastruktur antaranya pembinaan jalan raya, penyambungan bekalan elektrik dan saluran paip bekalan air di kawasan berdekatan.

"Walau bagaimanapun, pembinaan paip baru bernilai RM50 juta kini dalam pelaksanaan bagi menyelesaikan rungutan masyarakat berkenaan masalah bekalan air di zon Sindumin dan Weston," katanya.

Pada majlis itu, Sapawi turut menyaksikan program penyerahan 86 anak-anak



SAGUHATI...Sapawi (kanan) menyampaikan saguhati kepada wakil penduduk sambil diperhatikan Yunus (kiri).

mahiriswa dan mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (UMS) kepada keluarga angkat masing-masing yang terdiri daripada penduduk pekan Weston sendiri.

Menyentuh program UMS berkenaan, beliau berharap kehadiran pelajar untuk membuat penyelidikan diharap akan membawa kepada transformasi

pelan pembangunan eko-pelancongan.

"Dengan pembangunan eko-pelancongan, ia mampu memimpin kepada pembangunan masyarakat sekali gus pembangunan ekonomi setempat."

"Kita ada perumahan persisiran pantai yang mana kini dalam proses pembinaan titian yang bernilai RM3.5

juta," katanya.

Sapawi turut berharap kajian yang dijalankan mendapat kerjasama dari Ko-Nelayan dan Komuniti 1Malaysia bagi mengerakkan program kemasyarakatan melalui konsep 1Malaysia.

Turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Pengarah Penerangan Negeri Sabah, Yunus Sapirin.